

SAHĪH AL—BUKHĀRĪ: KITAB HADITH YANG DISUSUN PADA ABAD KETIGA HIJRAH

oleh
Mohd. Napiah bin Abdullah

Imam Bukhari

Sahīh al-Bukhārī merupakan salah sebuah kitab Hadith yang tinggi nilainya yang dihasilkan oleh sarjana Hadith pada abad ke tiga Hijrah.¹ Ia disusun oleh Muhammad bin Ismā‘il bin Ibrāhim bin al-Mughirah bin Bardizbah al-Juc̄fi.² Beliau dilahirkan pada tahun 194 Hijrah³ di sebuah bandar bernama Bukhārā⁴ dan wafat pada tahun 256 Hijrah⁵ di suatu tempat bernama Khartank.⁶ Muhammad bin Ismā‘il lebih dikenali dengan panggilan al-Bukhārī yang dinisbahkan kepada tempat lahirnya iaitu Bukhārā. Beliau juga dikenali dengan panggilan al-Ju‘fī kerana datuknya al-Mughirah memeluk agama Islam melalui Ju‘fī bin Sa‘d. Oleh itu, al-

¹ Kitab-kitab Hadith lain yang dihasilkan pada abad ketiga Hijrah, antaranya ialah *Sahīh Muslim*, *Sunan al-Nasa’ī*, *Sunan Abu Dawud*, *Sunan al-Tirmidhi* dan *Sunan Ibni Majah*, lihat Subḥī al-Salih, *Cūlum al-Hadīth wa Mustalahuhu*, cetakan 5 (Bayrūt: Dār al-‘Ilm Li al-Malayin, 1959), h. 48.

² Shihāb al-Dīn Abu Fadl Ahmad ibn Ḥāfiẓ Ḥāfiẓ al-Asqalānī, *Tahdhīb*, *al-Tahdhīb* 12 jilid (Hayderabad: Matba‘ah Da’irat al-Ma’arif 1325-27; cetakan ulangan dengan foto Bayrut: Dār Sādir, t.tkh), 9:47.

³ Abd al-Rahmān ibn Abū Bakr al-Suyūtī, *Tabaqāt al-Huffāz*, ed. Ḥāfiẓ Ali Muhammād Ḥāfiẓ Umar (al-Qahirah: Maktabah Wahbah, 1975), h. 249 dan al-Dhahabī, *Tadhkirat al-Huffaz*, 4 jilid (Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi, 1956), 2:555.

⁴ Bukhārā ialah sebuah bandar yang terletak di Khurasan. lihat Yā’qut ibn Ḥāfiẓ Abdullah al-Hamawī, *Mu‘jam al-Buldān*, 5 jilid (Bayrūt: Dār Sadīr, 1957), 1:352.

⁵ Ibn Hajar, *Tahdhīb al-Tahdhīb*. 9:48 dan al-Suyūtī, *Tabaqāt al-Huffāz*, h. 249.

⁶ Kartank ialah sebuah daerah terletak di dalam Samarcand. Lihat Abū Shams al-Dīn Ahmad ibn Mahmud, *Wafayāt al-A‘yān wa anbā’ abnā’ al-Zamān*, ed. Ihsān Ḥāfiẓ Abbās, 7 jilid (Bayrūt: Dar al-Thaqāfah, 1972) 4:191.

Ju^cfi adalah dinisbahkan kepada Ju^cfi.⁷

Keluarganya adalah dari kalangan orang-orang yang berilmu pengetahuan dan bertaqwa.⁸ Tetapi anak yang sangat baik otaknya dan tajam fikirannya itu telah mengalami penderitaan yang pahit pada waktu kanak-kanak lagi. Pada usianya 6 tahun, ayahnya yang sangat dicintai itu telah meninggal dunia sekaligus menjadikannya anak yatim. Oleh itu, beliau diasuh oleh ibunya.

Imam Bukhari melibatkan diri dalam pengajian Ḥadīth pada masa usianya kurang dari sepuluh tahun.⁹ Keinginannya untuk menambah ilmu pengetahuan terutama dalam Ḥadīth semakin meningkat, oleh itu, beliau sentiasa berulang alik bertemu tokoh-tokoh Ḥadīth yang terdapat di tempat lahirnya seperti Muhammad bin Sallām al-Bikandī, Muhammad bin Yūsuf al-Bikandī, ^cAbdullah bin Muhammad al-Musnidi dan Harun al-Ash^cath.¹⁰ Apabila usianya 16 tahun, beliau telah menghafaz kitab yang disusun oleh ^cAbdullah bin Mubarak dan Waki' bin al-Jarrāh, di samping telah memahami pendapat-pendapat ahli fikiran.¹¹ Dalam usia yang sama, imam Bukhari bersama emak dan saudaranya Ahmad telah pergi ke Mekah untuk menunaikan ibadat haji. Emak dan saudaranya pulang ke Bukhārā setelah menunaikan ibadat haji tetapi imam Bukhari terus menetap di Mekah untuk melanjutkan pelajarannya dalam Hadīth.¹²

Di Mekah imam Bukhārī telah mempelajari Ḥadīth daripada ahli-ahli Hadith yang masyhur seperti Abū al-Walīd Aḥmad bin Muhammād al-Azraqī dan Ismā'īl bin Salīm. Kemudian imam Bukhārī menziarahi kota Madinah untuk bertemu dengan ahli-ahli Ḥadīth di sana, di samping menziarahi kubur Rasulullah (s.^ca.w.).¹³ Sewaktu berada di Madinah, beliau telah mula menunjukkan bakatnya dalam lapangan penulisan yang mana beliau telah mula menulis kitab yang berhubung dengan peristiwa-peristiwa hukum di zaman sahabat dan tabi'in, kemudian diikuti dengan kitab yang

⁷ al-Mubārak ibn Muhammād ibn al-Athīr; *Jāmi' al-Usūl fi Ahadīth al-Rasūl*, 11 jilid, ed. ^cAbd al-Qadir al-Arnawūt (s.1.: Maktabah Dar al-Bayan, 1969), 1:185.

⁸ al-Šuyūtī, *Tabaqāt al-Huffāz*, h. 248.

^{9c} Abd al-Wahāb ibn ^cAli al-Subkī, *Tabaqāt al-Shāfi'iyyah al-Kubrā*, ed. ^cAbd al-Fatah Muhammād dan Mahmud Muhammād al-Tanahī, 7 jilid (Misr: ^cIsā al-Bābī al-Halabī, 1969), 2:213.

¹⁰ Ibn Hajar, *Hady al-Sārī li Fath al-Bārī: Muqaddimah Sharh Sahīh al-Bukhārī* (Misr: al-Matba^cah-Kubrā al-^cAmiriyyah, 1901) h. 479.

¹¹ Ibid., h. 478

^{12c} Abd al-Majīd al-Husaynī, *al-Imām al-Bukhārī Muhaddithan wa Faqīhan* (al-Qāhirah: al-Dār al-Qawmiyyah, n.d.), h. 28.

memperkatakan berkenaan perawi-perawi Ḥadīth sama ada perawi-perawi itu *thiqah*¹³ atau tidak *thiqah* yang dinamakan *al-Tarikh al-Kabir*. Ini semuanya dilakukan di kota Madinah sebelah kubur Rasulullah (s.c.a.w.) di waktu malam di mana bulan menyinari alam.¹⁴

Setelah menetap di Madinah beberapa lama, imam Bukhari ingin meluaskan ilmu pengetahuannya berhubung dengan Ḥadīth. Oleh itu, beliau telah mengembara ke beberapa tempat seperti Balakh, Marw, Naisabur, al-Ray, Baghdad, Basrah, Kufah, Wasit, Hams, ‘Asqalani dan Dimashq.¹⁵ Di tempat-tempat ini, beliau telah berkesempatan bertemu dan mempelajari Ḥadīth daripada tokoh-tokoh Ḥadīth di sana.

Satu perkara yang perlu disebut di sini ialah imam Bukhari mempunyai kekuatan ingatan dan hafalan yang sungguh istimewa, jika dibandingkan dengan orang-orang lain. Hal ini terbukti dari satu ujian yang dihadapkan oleh ulama Baghdad kepadanya untuk menguji kekuatan ingatannya iaitu sewaktu beliau sampai di sana, beliau telah ditemui oleh ulama Baghdad dan mereka memintanya mengadakan satu pertemuan ilmiah. Setelah dipersetujui, mereka pun menentukan beberapa orang ahli Ḥadīth yang terkenal supaya hadir ke majlis itu. Sebelum sampai masa yang ditetapkan, ahli-ahli Ḥadīth tadi telah memilih seratus Ḥadīth yang telah dicampur-adukan di antara matan satu Ḥadīth dengan sanad Ḥadīth yang lain, kemudan seratus Ḥadīth tersebut dibahagikan kepada sepuluh orang ahli Ḥadīth. Setelah sampai masa yang dijanjikan maka sepuluh orang ahli Ḥadīth itupun bertanya kepada imām Bukhari dengan cara bergilir-gilir iaitu setiap orang bertanya sepuluh soalan. Setelah habis sepuluh soalan orang pertama berpindah pula kepada orang kedua hingga sampai sepuluh orang. Imam Bukhari menjawab soalan pertama bagi orang pertama ialah: “Aku tidak tahu”. Begitu juga dengan soalan-soalan seterusnya. Demikian juga jawapannya kepada penyoal-penyoal kedua, ketiga sampai ke sepuluh orang. Apabila sepuluh orang selesai menyoalnya; imam Bukharipun mengulangi semula soalan-soalan itu sebagaimana yang mereka lafazkan, kemudian mengembalikan semula semua sanad-sanad Ḥadīth kepada matan-matan yang asal dengan tidak ada silap walaupun sedikit.¹⁶ Menurut Ibn Hajar apa yang lebih meng-

¹³ Perkataan *thiqah* ialah bermaksud seseorang perawi Ḥadīth bersifat dengan adil dan dabit. al-Suyuti, *Tadrib al-Rawī fī Sharḥ Taqrīb al-Nawāwi*, ed. cAbd al-Wahab cAbd al-Latīf, 2 jilid, cetakan 2 (al-Qahirah: Dar al-Kutub al-Hadīth, 1966) 1:63.

¹⁴ Ibn Hajar, *Hady al-Sārī*, h. 479.

¹⁵ al-Subkī, *Tabaqāt al-Shāfi‘īyyah*, 2:213-214.

¹⁶ Ibn Hajar, *Hady al-Sārī*, h. 487, Ibn al-Athīr, *Jāmi‘ al-Usūl fī Ahadīth al-Rasul*, 1:186 dan Ibn Khallikan, *Wafayat al-A‘yān*, 4:189.

hairankan ialah bagaimana imam Bukhari dapat menghafaz ḥanad-sanad dan matan-matan Ḥadīth yang telah dicampur-adukan itu satu persatu dari soalan pertama hingga ke soalan yang ke seratus sebagaimana yang mereka ucapkan. Adapun kebolehannya menghafazkan Ḥadīth-ḥadīth bersama sanadnya yang asal adalah tidak menghairankan lantaran beliau adalah seorang yang *hāfiẓ*.¹⁷

Setelah beberapa percubaan untuk mencari kelemahan imam Bukhari di dalam Ḥadīth menemui kegagalan, maka ini menambahkan lagi kemasyhurannya dalam Ḥadīth sehingga setiap tempat beliau berada, ramailah para ulama sama ada daripada ahli-ahli Ḥadīth atau ulama lainnya meminta beliau memberi kuliah berhubung dengan Ḥadīth.¹⁸

Imam Bukhari telah memberi sumbangan yang sungguh bernilai kepada umat Islam dengan hasil-hasil karyanya yang begitu banyak. Antara hasil-hasil karya imam Bukhari ialah:

1. *Qadāyā al-ṣahābah wa-Tabi‘īn*.
2. *Raf‘ al-Yadayn fi al-ṣalāh*.
3. *Qirā’at Khalf al-Imām*.
4. *al-Tafsīr al-Kabīr*.
5. *al-Musnad al-Kabīr*.
6. *al-Adab al-Mufrad*.
7. *al-Du‘afā’*.
8. *al-Hibah*.
9. *Aṣamī al-sahābah*.
10. *Kitab al-Mabsut*.
11. *Kitab al-Cilal*.
12. *Kitab al-Fawā’id*.
13. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.¹⁹

Di antara hasil-hasil karya imam Bukhari itu yang paling masyhur di kalangan umat Islam ialah *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* yang mana nama asalnya ialah *al-Ājami’ al-Ṣaḥīḥ al-Musnad min Ḥadīth Rasulillāh sallallāh ‘alyhi wa sallam wa Sunanīhi waayyāmīhi*.²⁰ Kitab ini menjadi rujukan kepada orang-orang Islam hingga sampai sekarang.

¹⁷Ibn Hajar, *Hady al-Sārī*, h. 487.

¹⁸Ibid., h. 487-488.

¹⁹Ibn al-Nadim, *al-Fihrist*, 1:555, Ibn Hajar, *Hady al-Sārī*, h. 492-493, Brockelmann, *Tarikh al-Adab al-CArabi*, tj. ‘Abd al-Halīm al-Najjar 3 jilid. cetakan 2 (Misr: Dar al-Ma‘arif, 1963), 3:165-181.

²⁰Ibn Hajar, *Hady al-Sārī*, h. 6.

Sahīb Al-Bukhārī

Adapun tujuan utama imam Bukhari menyusun *Sahīhnya* ialah untuk mengumpul Hadīth-hadīth yang *sahīh*²¹ sahaja.²² Kitab-kitab *Hadīth* yang disusun sebelumnya adalah bercampur di antara *Hadīth* yang *sahīh* dengan *Hadīth* yang tidak *sahīh*. Susunan seumpama ini tentulah menyusahkan orang-orang yang bukan ahli di dalam bidang *Hadīth* untuk membezakan antara *Hadīth* yang *sahīh* dengan *Hadīth* yang tidak *sahīh*.²³ Ahli-ahli *Hadīth* sebelumnya juga hanya menyusun *Hadīth-hadīth* yang terdapat di wilayah masing-masing seperti Ibn Juraij mengumpul *Hadīth-hadīth* yang terdapat di Mekah, al-Azwa'i mengumpul *Hadīth-hadīth* yang terdapat di Syam, Sufyan bin Sa'īd mengumpul *Hadīth-hadīth* yang terdapat di Kufah dan Abu Salamah pula mengumpul *Hadīth-hadīth* yang terdapat di Basrah.²⁴ Oleh itu pengumpulan mereka tidak meliputi *Hadīth-hadīth* yang ada di wilayah-wilayah Islam pada masa itu.

Semua perkara di atas merupakan daya penggerak kepada imam Bukhari untuk mengumpul *Hadīth-hadīth* yang *sahīh* sahaja. Keinginan beliau diperkuat lagi oleh cadangan gurunya; Ishāq bin Rāhawih yang berucap di hadapan murid-muridnya, katanya: “Alangkah baiknya jika kamu semua dapat mengumpulkan sebuah kitab *Hadīth* yang ringkas mengandungi *Hadīth-hadīth* yang *sahīh*”²⁵ Selepas itu imam Bukhari pun mula mengumpul *sahīhnya* sebagaimana yang diterangkan oleh beliau sendiri, katanya: “Maka tergeraklah di dalam hatiku dengan cadangan itu lalu aku mula mengumpul *Hadīth al-Jāmi'* *al-Sahīh*.²⁶

Imam Bukhari mula mengumpul dan menyusun *sahīhnya* semasa beliau berada di masjid al-Haram dan beliau tidak memasukkan sesuatu *Hadīth* ke dalamnya kecuali setelah beliau mengambil air sembahyang dan sembahyang dua rakaat terlebih dahulu.²⁷ Beliau mengambil masa 16 tahun

²¹ Hadīth Sahīh ialah Hadīth yang berhubung segala perawinya dari awal yang meriwayatkan Hadīth hingga kepada Rasulullah (s.a.w.). Perawi-perawi itu hendaklah bersifat dengan *thiqah*, tidak mempunyai shādh dan ‘illah, al-Suyūtī, *Tadrīb al-Rāwī*, 1:63.

²² Ibn Hajar, *Hady al-Sārī*, h. 5.

²³ Muhammad Abū Zahw, *al-Hadīth wa al-Muhaddithūn* (Misr: Sharikat Musahamah Misriyah, 1958), 377-378.

²⁴ Ibn Hajar, *Hady al-Sārī*, h.4.

²⁵ Ibid., h.5.

²⁶ Ibn Hajar, *Tahdhīb al-Tahdhīb*, 9:49.

²⁷ Ibn Hajar, *Hady al-Sārī*, h. 490.

untuk menyelesaikan susunan *sahīhnya* dan Hadīth-hadīth yang terkandung di dalamnya adalah berasal dari 600,000 Hadīth.²⁸ Setelah selesai menyusun *sahīhnya*, beliau mengemukakannya kepada imam Ahmad bin Hanbal, Yahyā bin Mu‘īn, ‘Alī bin Madīnī dan lain-lain lagi. Kesemua mereka memperakui susunan dan kesahihan Hadīth-hadīth yang terkandung di dalam *sahīhnya*.²⁹

Imam Bukhari membahagikan kitab *sahīhnya* kepada 97 *kitāb*.³⁰ Kitāb-kitab itu mengandungi tajuk-tajuk kecil yang dinamakan *bāb* berjumlah 3,450 *bāb*.³¹ Ahli-ahli Ḥadīth menamakan tajuk-tajuk bab ini sebagai *terjumah-terjumah* yang terdapat di dalam *Sahīh al-Bukhārī* itu sebenarnya menunjukkan kecerdikannya yang luar biasa dan kefahamaninya yang luas terhadap *al-Qur’ān* dan *al-Sunnah*, di samping kematangannya di dalam mengeluarkan hukum-hukum (*Istinbāt al-ahkām*). Perbuatan ini menunjukkan bahawa *al-Qur’ān* dan *al-Sunnah* itu tidak dapat dipisahkan darinya sehingga beliau boleh menggunakan keduanya bila-bila masa sahaja apa-apa yang dikehendaki.

Dalam *Sahīh al-Bukhārī* terdapat Hadīth-hadīth yang berulang dari segi lafadznya tetapi berlainan dari segi sanad (*wajh*) dan perawi-perawinya. Pengulangan seperti ini mempunyai maksud-maksud tertentu, antaranya ialah:

1. Hadīth-hadīth itu diulang supaya ia tidak termasuk di dalam Hadīth *Gharīb*³² umpamanya Hadīth yang telah diriwayatkan oleh seorang sahabat, kemudian diriwayatkan Hadīth yang sama di tempat lain melalui riwayat sahabat yang lain.³³
2. Hadīth-hadīth itu diulang supaya menghilangkan keraguan terhadap perawi. Contohnya sebuah Hadīth yang diriwayatkan oleh sebahagian perawi dengan lengkap tetapi terdapat perawi lain meriwayatkannya secara ringkas.³⁴

²⁸Ibid.

²⁹Ibid., h. 5.

³⁰A.J. Wensinck, *A Handbook of Early Muhammadan Tradition* (Leiden: E.J. Brill, 1971), x11—X11.

³¹Abū Shahbah, *A‘lām al-Muhaddithīn* (Misr: Markaz al-Kutub al-Sharq al-Awsāt, n.d.), h. 123.

³²Hadīth *Gharīb* ialah Hadīth yang diriwayatkan oleh seorang perawi di dalam satu lapisan perawi atau lebih. Lihat Ibn Hajar, *Sharh Nukhbat al-Fikr* (Misr: Mustafā al-Bābī al-Halabī, 1934), h. 7-8.

³³Ibn Hajar, *Hady al-Sārī*, h. 12.

³⁴Ibid., h. 12 - 13.

3. Hadīth-hadīth itu mengandungi beberapa makna yang ada perbezaan di antara satu dengan lain. Oleh itu, setelah diriwayatkan Hadīth itu di dalam satu bab maka diriwayatkannya pula Hadīth itu di dalam *bab* yang lain dengan sanad yang lain.³⁵
4. Hadīth-hadīth itu diulang kerana ia tidak sepakat di antara ahli-ahli Hadīth sama ada ia *mawqūf*³⁶ atau *marfū*³⁷ dan tidak diketahui mana yang *rajih*.³⁸

Sesungguhnya imām Bukhārī tidak menegaskan secara jelas syarat-syarat perawi Hadīth yang terdapat di dalam *Sahīhnya*. Ahli-ahli Hadīth telah membuat kajian terhadap *Sahīhnya* dan mereka dapat imām Bukhārī mensyaratkan bahawa Hadīth-hadīth yang terdapat di dalamnya mestilah diriwayatkan oleh perawi-perawi yang *thiqah* sehingga sampai kepada peringkat sahabat dan sanad bagi Hadīth tersebut hendaklah berhubung (*muttasil*), dari awal sanadnya hingga sampai kepada sahabat yang meriwayatkan Hadīth itu daripada Rasulullah (s.a.w.).³⁹ Di samping perawi-perawi bersifat *thiqah* dan sanadnya *muttasil*, imām Bukhārī juga mensyaratkan para perawi itu sezaman dengan guru-guru mereka dan telah sabit bertemu di antara murid dan guru walaupun sekali sahaja.⁴⁰

Di atas, telah diterangkan syarat-syarat perawi Hadīth yang terdapat di dalam *Sahīh al-Bukhārī*, oleh itu, di dalam huraian selanjutnya akan diterangkan kedudukan Hadīth-hadīth yang terkandung di dalam *Sahīh al-Bukhārī*. Ahli-ahli Hadīth berpendapat bahawa Hadīth-hadīth yang terkandung di dalam *Sahīh al-Bukhārī* adalah Hadīth-hadīth yang *sahīh* sahaja. Perkara ini dapat dilihat daripada perkataan imām Bukhārī sendiri yang dipetik oleh Ibn Hajar, katanya: “Aku tidak meriwayatkan dalam kitabku ini kecuali Hadīth-hadīth yang *sahīh*”,⁴¹ dan seterusnya beliau berkata lagi: “Aku tidak memasukkan Hadīth-hadīth ke dalam-

³⁵Ibid., h. 12.

³⁶Mawqūf ialah apa-apa yang disandarkan kepada sahabat dari perkataan, perbuatan dan pengakuan, Ibn Hajar, *Sharh Nukhbah al-Fikr*, h. 30.

³⁷Marfū ialah apa-apa yang disandarkan kepada Rasulullah (s.a.w.) sama ada perkataan, perbuatan dan pengakuan, Ibn Hajar, *Sharh Nukhbah al-Fikr*, h. 30.

³⁸Ibn Hajar, *Hady al-Sārī*, h. 13.

³⁹Muhammad Tāhir, al-Maqdisī, *Shurūt al-Āimmah al-Sittah* (al-Qāhirah: Maktab al-Qudsī, 1357), h. 10-11.

⁴⁰Ibn Kathīr, *Ikhtisār ālūm al-Hadīth* dalam *al-Bā'ith al-Hathīth* oleh Ahmad Muhammad Shākir, h. 25.

⁴¹Ibn Hajar, *Hady al-Sārī*, h. 5.

nya sêhingga la aku beristikharah kepada Allah terlebih dahulu, kemudian aku sembahyang dua rakaat dan aku yakin akan kesahihan Hadith itu".⁴²

Selain daripada kata-kata imam Bukhārī di atas, kesahihan Hadith-hadith di dalam *Sahīh al-Bukhārī* itu juga dibuktikan berdasarkan kepada nama asal bagi *Sahīh al-Bukhārī* iaitu *al-Jami' al-Sahīh al-Musnad min Hadīth Rasulullah salallahu alayhi wa sallam wa sunanīhi wa ayyamīhi*.⁴³ Nama asal ini menunjukkan bahawa matlamat pengumpulan imam Bukhārī ialah Hadith-hadith Rasulullah (s.a.w.) yang *sahīh* sahaja. Oleh itu, jika terdapat di dalam *Sahīh al-Bukhārī* Hadith-hadith yang tidak mencukupi syarat-syarat Hadith *sahīh* maka Hadith-hadith tersebut di riwayatkan sebagai *Mutaba'ah*⁴⁴ bukan matlamat pengumpulan imam Bukhari.⁴⁵

Sebagaimana telah diterangkan di atas bahawa imam Bukhārī telah mengumpul sebanyak 600,000 Hadith pada peringkat awalnya tetapi setelah dikaji dengan teliti beliau hanya memasukkan 9,082 Hadith sahaja di dalam *sahihnya* termasuk Hadith-hadith yang berulang. Bilangan ini tidak termasuk Hadith yang *mawqūf* kepada sahabat dan *maqtū'*⁴⁶ kepada tabi'in.⁴⁷ Kalau dikira Hadith-hadith yang ada di dalam *Sahīh al-Bukhārī* yang *mawṣul* dengan tidak berulang ialah sebanyak 2,602 Hadith dan Hadith-hadith yang *muallaq*⁴⁸ dan yang *murtu'* ialah 150 Hadith.⁴⁹

Berdasarkan sifat-sifat yang terdapat pada *sahīh al-Bukhārī* di atas, kebanyakan ahli-ahli Hadith menganggap *Sahīh al-Bukhārī* adalah kitab Hadith yang paling *sahīh* di antara kitab-kitab Hadith. Mereka memberi

⁴²Ibid., h. 490.

⁴³Ibid., h. 6.

⁴⁴*al-Mutaba'ah* ialah bersamaan seseorang perawi dengan perawi yang lain pada meriwayatkan sesuatu Hadith. Lihat Muhammad 'Ajaj al-Khatib, *usul al-Hadīth*, h. 360.

⁴⁵Muhammad 'Ajaj al-Khatib, *Usūl al-Hadīth*, ed. 2 (Bayrūt: Dār al-Fikr, 1971), h. 312-314.

⁴⁶*maqtū'* ialah apa yang disandarkan kepada tabi'in dari perkataan, perbuatan dan pengakuan, Subhī al-Salīh. *'Uḥūm al-Hadīth*, h. 209.

⁴⁷Ibn Ḥajar, *Hady al-Sārī*, h. 470;

⁴⁸*muallaq* ialah Hadith yang dibuang sanadnya seorang atau lebih, Ibn Ḥajar, *Hady al-Sārī*, h. 14.

⁴⁹Ibid., h. 478.

perhatian kepadanya dengan mempelajari, menghafaznya, di samping itu terdapat sebahagian mereka telah mensyarah dan menterjemahkannya ke bahasa lain selain bahasa Arab.

Ahli-ahli Hadīth yang mensyarah *Sahīh al-Bukhārī*, antaranya ialah:

1. Ahmad bin Muhammad al-Khatībī (w. 388H) dengan kitabnya *Aṣlām al-Muḥaddith*.
2. Muḥammad bin Yusuf al-Kirmānī (w. 786H) dengan kitabnya *al-Kawākib al-Darārī fi Sharh Sahīh al-Bukhārī*.
3. Ahmad bin Ḥāfiẓ Ibn Hajar al-Asqalānī (w. 852H) telah menghasilkan sarah *Sahīh al-Bukhārī* yang terkenal iaitu *Fath al-Bari bi Sharh Sahīh al-Bukhārī*.

Ahli-ahli Hadīth yang meringkas (*ikhtisār*) *Sahīh al-Bukhārī* antaranya ialah:

1. Ahmad bin Ḥāfiẓ Umar al-Qurtubī (w. 656H)
2. Hasan bin Ḥāfiẓ Umar al-hilbī (w. 779H) telah menghasilkan kitabnya *Irshād al-Sāmi` wa al-Qāri` al-Muntaqā min Sahīh al-Bukhārī*.
3. al-Husayn bin al-Mubārak al-Zubaydī (w. 893H) dengan kitabnya *al-Tajrīd al-Shāriḥ li al-Aḥadīth al-Jāmi` al-Sahīh*.⁵⁰

Sahīh al-Bukhārī juga telah diterjemahkan ke bahasa lain, antaranya ialah *Translation of the Meaning of Sahīh al-Bukhārī* oleh Dr. Muhammad Muhsin Khan.

Berdasarkan penjelasan di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa kebanyakan ahli Hadīth menganggap *Sahīh al-Bukhārī* adalah sebuah kitab Hadīth yang paling *sahīh* sekali di antara kitab-kitab Hadīth. Ia mengandungi ḥadīth-hadīth yang *sahīh* sahaja. Oleh itu, orang-orang Islam hendak mengambil guna dari kitab Hadīth ini di dalam memahami ajaran-ajaran Islam supaya mereka beroleh kejayaan di dunia dan akhirat.

⁵⁰untuk mendapat senarai yang lebih lengkap mengenai kitab yang mensyarah dan meringkas *Sahīh al-Bukhārī*. Lihat Ibn Khalifah, *Kashf al-Zunūn*, 1:545-555, Brockelmann *Tarikh al-Adab al-`Arabi*, 3:167-178.